

# Menteri Perpaduan ziarah keluarga Muhammad Hawari

🕒 6/7/2023 9:11:00 AM



**Menteri Perpaduan ziarah keluarga Muhammad Hawari BERITA Komuniti NASIONAL TERKINI everest**

Menteri Perpaduan ziarah keluarga Muhammad Hawari Aaron turut menyantuni ibu Muhammad Hawari, Che Tom Hassan, 64, dan isterinya , Safiyyah Tang Xie Lie, 34, di Kampung Permatang Kerai Besar, Tasek Gelugor, di sini hari ini.

Selain itu, beliau turut menyerahkan sumbangan yang dikumpulkan kakitangan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang bagi membantu meringankan beban keluarga terbabit.

"Inisiatif seumpama ini akan diteruskan selaras dengan tanggungjawab kementerian untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia," katanya. Yang hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Datuk Kamarul Baharin A. Kassim dan Pengarah Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, Haryany Mohamad.

Pada 19 Mei lalu, Muhammad Hawari dilaporkan hilang ketika turun dari Kem 4 selepas menawan puncak gunung tertinggi di dunia itu. Sehari sebelumnya, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Kedah, Lettenan Kolonel Awang Iskandar Ampuan Yaacub, 56, yang juga antara peserta ME 2023, dilaporkan meninggal dunia. [headtopics.com](http://headtopics.com)